

**Perdana Menteri Tinjau Operasi Pengamal Media Di PWTC
Bernama
30 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak meluangkan masa hampir satu jam meninjau dan beramah mesra bersama pengamal media yang membuat liputan Perhimpunan Agung Umno 2012 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Jumaat.

Dalam lawatan berkenaan, Perdana Menteri turut melihat operasi para pengamal media di Laman Media yang meliputi stesen televisyen, akhbar, blogger, portal berita dan agensi berita nasional, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

Pengamal media turut mengambil kesempatan bergambar dan mendapatkan autograf Presiden Umno itu.

Semasa meninjau bilik operasi Bernama, Perdana Menteri disambut Ketua Pengarang Bernama Datuk Yong Soo Heong, Timbalan Ketua Pengarang Datuk Zulkefli Salleh dan Editor Meja Berita Am Mokhtar Hussain.

Perdana Menteri kemudiannya diberi penerangan ringkas berkenaan operasi BERNAMA serta liputan bergambar.

Semasa lawatan ke Laman Media itu, Perdana Menteri turut mendapat sorakan '1Malaysia' 'Hidup Umno! Hidup PM!' daripada kalangan pengamal media dan orang ramai.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=712948>